

17/09/2003

Ilmu cara bijak tentang musuh

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Umat Islam akan terus berputih mata tanpa berupaya berbuat apa-apa untuk saudara mereka terutama rakyat Palestin yang terus ditindas selagi mereka tidak bangkit untuk memajukan diri sejajar tuntutan fardu kifayah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam tidak seharusnya terlampau taksib menimba ilmu mengenai Islam saja dengan mengabaikan ilmu duniawi dalam bidang sains dan teknologi yang seketika dulu pernah dikuasai umat Islam.

Perdana Menteri berkata, masyarakat bukan Islam yang maju di dunia ini bukan kerana memiliki kuasa ghaib dan mereka adalah juga manusia biasa seperti umat Islam tetapi menguasai pelbagai bidang kemahiran termasuk mencipta senjata.

"Kita ditindas, kita lemah. Jika kita mahu menentang musuh, bukan dengan perasaan marah meletupkan bom pada badan kerana tindakan itu tidak akan memberi kesan kepada Islam itu sendiri kecuali berbalas dendam dan pembunuhan terus berlaku.

"Sebaliknya, kita belajar, timba ilmu dan pada masa yang sama kita harus bersabar. Dengan ilmu pengetahuan kita dapat menentang musuh secara bijak. Pada mulanya mungkin sukar tetapi lama kelamaan kita akan menjadi kuat," katanya berucap menutup Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda Islam di sini, semalam.

Dr Mahathir kemudian berdialog dengan peserta daripada 57 negara termasuk dari Asia Barat, Afrika dan Amerika Latin yang menyertai sidang tiga hari itu.

Perdana Menteri berkata, menguasai pengetahuan mengenai agama saja tidak mencukupi untuk melawan balik penindasan terhadap umat Islam kerana penguasaan ilmu itu saja tidak boleh digunakan untuk mempertahankan diri.

"Umat Islam harus bersedia untuk mempertahankan diri. Jelas kita tidak bersedia pada masa ini kerana kita tidak mempunyai pengetahuan untuk menentang musuh," katanya.

Beliau berkata, berikutan serangan terhadap Iraq, ramai umat Islam di seluruh dunia berdoa untuk menghentikan serangan itu, tetapi Amerika Syarikat teruskan juga hasrat menyerang Iraq dan memperoleh kejayaan.

"Sesetengah kita merasakan tuhan tidak memakbulkan doa kita, tapi ini tidak benar, kita tewaskan diri kita sendiri. Islam menyeru kita supaya sentiasa bersedia untuk mempertahankan diri. Dalam soal Iraq, jelas umat Islam tidak bersedia untuk semua ini," katanya.

Beliau berkata, umat Islam kini bukan saja tertindas di bumi sendiri, malah dipandang serong di negara orang lain apabila dikaitkan dengan keganasan.

"Saya dianggap sebagai pengganas semata-mata kerana nama saya Mahathir bin Mohamad kerana "bin" ini dikaitkan dengan (Osama) bin Laden," katanya yang menyebabkan hadirin ketawa.

Dr Mahathir berkata, umat Islam sehingga kini percaya bahawa mereka boleh mempertahankan diri dengan hanya menggunakan kuda dan lembing berbanding dengan senjata automatik yang digunakan oleh musuh, melupakan bahawa hanya jet pejuang dan senjata canggih yang mampu menahan serangan sebegitu.

"Kita perlukan senjata untuk menanam rasa takut di kalangan musuh kita. Sesetengah kita membeli senjata yang dijual oleh musuh dan sudah pasti mereka tidak memberikan kita senjata terhebat, tetapi yang sudah ketinggalan. Dan apabila anda mempunyai senjata yang kurang hebat, anda tidak dapat memenuhi kehendak agama iaitu untuk mempertahankan ummah," katanya.

Dalam sesi soal jawab kemudian, beliau berkata, kaum Yahudi di Amerika

Syarikat amat berkuasa kerana mereka bersatu walaupun jumlahnya kecil berbanding jumlah umat Islam di negara itu.

Katanya, umat Islam sekarang tidak bersatu, malah bercakaran sesama sendiri menyebabkan mereka lemah.

Bercakap pada sidang media kemudian, beliau berkata, umat Islam harus menghentikan tindakan menyerah kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah mereka.

"Kita tak boleh salahkan orang lain kerana kelemahan kita. Kita lakukannya sendiri dan bukan menyalahkan orang lain. Ini penting," katanya.